

RISALAH MAKLUMAT PRODUK – KEMUDAHAN PINJAMAN PORTFOLIO (PF)

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Maklumat Produk (RMP) ini memberikan maklumat utama mengenai Kemudahan Pinjaman Portfolio (PF) anda.

Pelanggan lain telah membaca dan mendapatinya berguna; **anda perlu membacanya juga.**



Tarikh:

1

Apa Itu Kemudahan Pinjaman Portfolio (PF)?

PF ialah Kemudahan kredit pusingan jangka pendek yang dijamin melalui cagaran atau gadaian aset pelaburan yang layak dengan Bank. Kemudahan ini ditawarkan kepada pelanggan yang layak bagi tujuan pelaburan semula dengan Bank dan tersedia dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) serta Dolar Amerika Syarikat (USD). Untuk RM, pengeluaran boleh dibuat dalam RM sahaja. Manakala untuk USD, pengeluaran boleh dibuat dalam mana-mana mata wang G10. Faedah akan dikenakan tertakluk kepada jumlah penggunaan.

2

Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai ilustrasi pinjaman ini:

- Jumlah kemudahan: **5,000,000**
- Baki belum dijelaskan anda: **2,000,000**
- Tempoh faedah: **3 bulan**
- Kadar faedah: **Cost of Funds (COF) + 2.00%**
- Kadar faedah efektif: **3.00%**

Jumlah faedah pada akhir tempoh faedah ialah RM15,000.

Nota:

COF tertakluk kepada perubahan. Nilai COF bergantung pada masa setiap pengeluaran dibuat, mata wang pengeluaran yang dipilih dan Tempoh Faedah.

Menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar prinsipal dan faedah anda tepat pada masanya serta memastikan nilai cagaran Fasilitas adalah seperti yang ditetapkan oleh Bank.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem: Ad-valorem iaitu **RM5.00 bagi setiap RM1,000** atau sebahagian daripadanya dan setem nominal sebanyak RM10 mengikut Akta Setem 1949 (Pindaan 1989)
- Tertakluk kepada semua **cukai dan levi** yang berkuat kuasa atau yang akan dikenakan dari semasa ke semasa mengikut undang-undang.
- Yuran Komitmen: 1% setahun ke atas bahagian jumlah Kemudahan yang tidak digunakan.
- Yuran Guaman: Ditanggung oleh anda, jika berkenaan.
- Caj Lewat Bayar: **1%** setahun ke atas amaun tertunggak
- Yuran lain jika **berkenaan** seperti Yuran Pembukaan Akaun CDS, Yuran Pemindahan Saham CDS, Yuran Pengendalian Terbitan Hak dan kos serta perbelanjaan lain.

Sekiranya anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal, anda perlu tahu:

- Anda boleh menyelesaikan pinjaman lebih awal tertakluk terma dan syarat.
- Anda boleh membatalkan Kemudahan anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan kepada Bank. Jika pembatalan dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pengeluaran pertama, yuran pembatalan sebanyak 1.50% akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada tarikh pembatalan.
- Sekiranya anda membatalkan atau membuat bayaran awal, secara sukarela atau atas permintaan Bank, selain daripada tarikh pembayaran faedah yang dipilih, caj akan dikenakan oleh pihak Bank. Dalam situasi tersebut, "*break-funding cost*" akan dikenakan oleh pihak bank ke atas jumlah yang dibayar atau dibatalkan.

3

Ketahui Risiko Anda

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda akan **membayar lebih daripada jumlah keseluruhan** disebabkan caj lewat bayar dan faedah berganda.
- Kami mungkin **menggunakan** sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami untuk menyelesaikan baki pinjaman anda.
- Kami mungkin **mencairkan** cagaran anda untuk mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman.
- Kami mungkin mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda berkemungkinan terjejas, menjadikan akses kepada kredit lebih sukar atau lebih mahal pada masa hadapan

Pergerakan Kadar Faedah

- Kadar faedah bagi Kemudahan ini adalah berubah-ubah dan boleh disemak semula sekiranya terdapat perubahan pada kadar rujukan. Peningkatan kadar faedah boleh menyebabkan jumlah bayaran faedah menjadi lebih tinggi.

Risiko Pasaran (tidak berkenaan bagi tunai dan deposit tetap)

- Jenis cagaran yang digadaikan mungkin tertakluk kepada turun naik risiko pasaran. Perubahan pada tahap penerimaan cagaran, penurunan nilai pasaran cagaran dan/atau penilaian cagaran oleh Bank boleh mengakibatkan *Shortfall* (kekurangan nilai cagaran).

Risiko Mata Wang Asing

- Jumlah baki tertunggak di bawah Kemudahan dan nilai pasaran cagaran mungkin berubah disebabkan oleh pergerakan kadar pertukaran asing. Pergerakan kadar pertukaran yang tidak menguntungkan (sekiranya terdapat ketidakpadanan mata wang antara baki Kemudahan dan cagaran) boleh menyebabkan *Shortfall*.

Kerugian Berganda (Amplified Losses)

- Seperti yang dinyatakan di atas, kerugian terhadap kedudukan kewangan dan portfolio pelaburan anda boleh menjadi lebih besar sekiranya pembiayaan digunakan bagi tujuan leveraj pelaburan semula.

4

Terma Penting Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pinjaman ini, anda boleh:



Hubungi kami
1-300-88-6688



Kunjungi kami di cawangan
Maybank/Maybank Islamic
berhampiran anda



Layari laman web
maybank.my/portfoliofinancing

Pengakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya salinan RMP ini.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RMP ini.

**Pengakuan anda terhadap RMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat*

Pemohon Utama

Nama:

Tarikh:

Pemohon Bersama

Nama:

Tarikh: